

Sedikit tentang:

Rang Undang-undang Pentadbiran Hukum Islam 1960

Dalam keluaran yang lalu Qalam telah menyiarkan dengan penuhnya kandungan Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum

Islam 1960 bagi kerajaan Singapura. Tujuan kita menyiarkannya dengan penuh supaya pembaca-pembaca dapat mengkajinya dengan luas supaya kelak, apabila undang-undang itu dijalankan terlepas kita daripada tafsir.

Pendapat-pendapat dan fikiran-fikiran yang tadinya dikehendaki sampai kepada Jawatankuasa Penapis (*Select Committee*) pada 21 hari bulan Januari 1961 telah ditangguhkan hingga kepada 26 hari bulan April 1961 dan pendapat-pendapat ini akan dibahas oleh jawatankuasa itu dalam sidangnya pada 4 hari bulan Mei 1961. Kemudian Rang Undang-undang itu akan dikemukakan kepada Majlis Undangan Singapura.

Menurut apa yang tersiar maka Rang Undang-undang itu kononnya telah disahkan oleh Majlis Islam Penasihat Kerajaan Singapura, tetapi kita berasa hairan bahawa beberapa orang Ahli Majlis Islam Penasihat Kerajaan itu yang telah kita temui menyatakan bahawa Rang Undang-undang itu khabarnya belum dipersetujukan oleh Majlis itu. Dengan ini maka tidaklah hairan kalau didapati beberapa orang ahli-ahli Majlis Islam Penasihat Kerajaan yang ada di dalam pertubuhan-pertubuhan lain, telah pun menyertai bantahan-bantahan yang akan dikemukakan menuntut supaya diadakan pindaan di atas undang-undang itu.

Jika benar keadaan ini adalah sangat mendukacitakan kerana semolek-moleknya undang-undang yang hendak dikemukakan itu sepatutnya dikaji masak-masak dahulu oleh Majlis itu. Undang seperti ini, kalau dibuat mau pakai tutup ibu sahaja tentulah mendukacitakan dan harus akan menerbitkan salah pengertian orang-orang Islam terhadap kepada langkah-langkah yang akan dikemukakan oleh kerajaan mengenai orang-orang Islam.

Kita percaya, tujuan atau cita-cita pihak kerajaan Singapura mengadakan rang undang-undang ini adalah dengan suatu tujuan yang baik untuk mengawal kedudukan agama Islam di negeri ini tetapi harus di dalamnya didapati perkara-perkara yang di fikirkan bertentangan dengan hukum Islam dan kebebasan-kebebasan

atas hak orang-orang Islam.

Untuk perhatian umat Islam umumnya yang bersedia memberikan bantahan atau pindaan kepada rang undang-undang itu kita rasa-rasa moleknya kita memberi pandangan serba sedikit dalam hal mengenai Rang Undang-undang itu supaya dapat difikirkan bersama.

Pertama-tama yang di rasa mendukacitakan sangat ialah “Kerajaan Singapura tidak memberi jaminan tentang tepatnya terjemahan ini (Rang Undang-undang Pertadbiran Hukum Islam 1960 - P) dan tidak akan bertanggungjawab jika ada apa-apa khilaf di dalamnya.”

Rang Undang-undang ini yang berkenaan dengannya ialah umumnya orang-orang Melayu yang berbahasa Melayu. Bahasa Melayu juga telah dipandang sebagai bahasa Kebangsaan oleh kerajaan sekarang. Dengan tidak mau bertanggungjawab atas terjemahan yang dikemukakan kepada orang-orang Islam yang berbahasa Melayu ini bukannya sahaja di rasa mendukacitakan tetapi juga tentunya tidak menyenangkan hati sebab, sebagaimana disebut berkenaan adalah umumnya berbahasa Melayu, alim ulamanya yang mengetahui hukum Islam itu, adalah semuanya hampir-hampir berbahasa Melayu juga, jadi kalau terjemahannya tidak dipertanggungjawab maka tidaklah nampaknya disabitkan kedudukannya khas kepada orang-orang Islam yang berbahasa Melayu.

Dalam ceraian ini (1) – 7, pecahan (C) ada menyebut bahawa jika ada, orang Ahli Majlis Mesyuarat Undangan yang beragama Islam akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Negara sebagai Ahli Majlis Agama Islam atas usul menteri.

Dengan kenyataan ini, sebagaimana keadaan-keadaan masa yang telah sujud, Majlis Agama Islam itu kelak akan tidak bebas daripada dipengaruhi oleh badan-badan siyasah yang memerintah. Dengan itu sepatutnya majlis itu terjauh daripada pengaruh siyasah, sebab ia hanya mentadbirkan hal ehwal agama Islam semata-mata yang pengaruh siyasah daripada satu-satu badan hendaklah tidak ada. Keadaan ini dapat dilihat seperti keadaan Majlis Penasihat yang ada sekarang di dalam mana badan-badan siyasah mempengaruhi sesuatu yang mengenai agama di dalam mana, orang-orang yang nampaknya tidak berkelayakan di dalam sesuatu perkara dilantik memegang sesuatu perkara yang bersabit dengan agama semata-mata kerana ia orang parti. Dengan cara ini harus hukum Agama Islam seperti yang dikehendaki tidak akan dapat dilaksanakan dengan sepatutnya.

Dalam bahagian ini juga pada (D) tidak kurang dari sepuluh orang anggota akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Negara. Orang-orang terfikir, apakah akan terjamin bahawa Yang di-Pertuan Negara itu akan tetap seorang Islam? Jika tidak, tentulah orang-orang yang bakal dilantik itu kelak namanya akan dikemukakan oleh menteri. Menteri pula seperti biasa di dalam sesuatu badan siyasah yang memerintah tentunya akan memilih “orang-orangnya sendiri” yang sesuai dengan kemahuan dan kehendak mereka. Mereka tentunya tidak akan mau melantik orang-orang yang sememangnya berkelayakan dan berani menegakkan hak-hak agama. Harus pula mereka kelak akan memberi peluang orang-orang yang gemar bermuka-muka yang hendak mencari kedudukan seperti yang biasa kita lihat ada sebahagiannya di dalam Majlis Islam Penasihat Kerajaan semenjak daripada masa British dahulu. Akhirnya

mereka tidak berani mengatakan yang hak atas gamanya¹ mereka masih menggunakan perasaan “segan-segan” kerana takut kerusinya hilang sekalipun perkara yang dibentangkan diketahuinya menentang hukum agamanya.

Dengan sebab itu lantikan “sekurang-kurangnya sepuluh orang” itu hendaklah dicalonkan oleh badan-badan Islam terutamanya badan-badan Islam yang terkemuka kemudian dipersetujukan oleh Yang di-Pertuan Negara. Kalau tidak dibuat seperti ini itu kelak hanya akan dipenuhi oleh mereka-mereka yang hanya tahu bermuka-muka sahaja.

Dalam ceraian (1) -31 ada disebut “Jawatankuasa Undang-undang”. Mengikut ikatan katanya maka nampak di sana dimaksud dengan Majlis al-Fatwa. Sekiranya ini dimaksud mengapa tidak terus sahaja ditukar supaya jawatankuasa itu disebut sahaja dengan majlis fatwa supaya tidak kesamaran. Demikian itulah sepatutnya seterusnya pada bahagian-bahagian yang lain supaya Jawatankuasa Undang-undang ini ditukar dengan Majlis Fatwa sebab kedudukan Mufti dan hal-halnya memberikan fatwanya sahaja - tidak menentukan Undang-undang Pentadbiran Majlis itu.

Dalam ceraian (2) – 31 ini ada disebut bahawa anggota-anggota jawatankuasa undang-undang ini akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Negara bagi satu jangka waktu. Memandang bahawa harus yang di-Pertuan Negara tidak cukup berpengetahuan menentukan kelayakan orang-orang yang patut mengisi jawatankuasa ini (Majlis Fatwa) maka sepatutnya ditambah perkataan “akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Negara” itu dengan tambahan “dengan nasihat Majlis”. Jadinya kalau pun kelak Yang di-Pertuan Negara bukan seorang Isla tentulah tidak akan tersalah memilih atau melantik seseorang yang bakal memegang jawatan itu.

Dalam ceraian (2) – 32 nampaknya segala Fatwa Majlis Mufti, jika tarbiah perselisihan akan digunakan undi. Di dalam Islam tidak digunakan cara suara yang terbanyak di dalam menentukan hukum. Ahli-ahli jawatankuasa

¹ Perkataan sebenar ialah agamanya